

SYARAT MENGADAKAN SEPASANG PENDIKAR
SAJA MUNGKIN MENJADI MASALAH

Pertandingan seni silat

Berita Minggu

Kebugsaan

boleh dijadikan tapak penyatuan

PERTANDINGAN silat Malaysia yang pertama dianjurkan Persatuan Silat Lincah bulan Mac tahun depan mungkin baik dijadikan tapak untuk menyatukan berjenis-jenis silat Melayu.

Mahaguru Silat Lincah, Enck Omar Din mengakui tujuan utamanya mengajurkan pertandingan itu ialah untuk mencari penyelesaian seperti ini ke arah tersebut.

Pertandingan tersebut direstui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurut Enck Omar, inilah kali pertama pertandingan peringkat kebangsaan dijalankan serentak dan diumumkan oleh persatuannya.

Pertandingan tersebut terbuka untuk semua jenis silat di Malaysia. Tidak ada sebarang bayaran untuk menyertainya.

Cuma syaratnya agak ketat, antaranya tiap-tiap negeri hanya dibenarkan menghantar sepasangan wakil ke peringkat kebangsaan.

Menghantar

Artinya, negeri yang ingin menghantar wakilnya harus mengedarkan pertandingan silatnya sendiri. Peserta terbaik dari pertandingan itu sahaja akan mewakili negeri tersebut.

Pertandingan tersebut, tentu sama dengan Konvensyen Seni Silat Melayu yang pertama di Pulau Pinang bulan Julai lalu.

Konvensyen Silat Melayu di Pulau Pinang bertujuan mencari asas untuk menyatukan segala rupa silat Melayu serta memperbaiki kegiatan-nya disamping mencari jalan untuk mencipta satu silat kebangsaan yang dapat diterima oleh semua kaum.

tinggalan.
1973

Begitulah dengan jenis-jenis silat lain, seperti Silat Kalimah, Lian, Lintau, Kwon Tau Jawa, Teriak, Gayung Pulu, Geruda, Elak, Selayang Mas, Sendeng, Sekebun dan lain-lain.

Meleka m u n g k i n mempunyai hero masing-masing yang dirasakan layak menyertai pertandingan itu.

Tetapi, apabila syarat hanya sepasang pendakwaraja dibenarkan mewakili satu negeri, tentu akan menimbulkan masalah baru.

Perhubungan silat manakah yang sanggup bertolak ansur secara menyerahkan sahaja haknya untuk diwakili oleh orang lain.

Lincahnya, misalnya, tentu tidak gembira sekiranya Selangor kelak diwakili oleh pasangan Gayung atau Kalimah atau Titu Pinang.

Begitu juga sebaliknya, sekiranya Sendeng mewakili negeri ini akan Lian, atau Gayung Hartiman terpilih mewakili Perak dan sebagainya.

Tentu akan timbul ruginan, pilih kasih atau tidak adili dan sebagainya.

Anjurkan

Lebih-lebih lagi pertandingan itu diumumkan oleh Persatuan Silat Lincah Malaysia dan bukan diumumkan oleh satu badan yang berkecuali seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau Badan Kebuda-

ya dan diumumkan oleh Bahasa Melayu Universiti Sains Pulau Pinang, tentu masalah ini tidak akan timbul.

Kalaupun timbul ia akan dapat dipertahankan dengan badan itu sendiri dapat menangkis sebarang pengaruhan yang mungkin dirasapkan ka pertandingan itu.

Sebagai badan berkecuali ia akan lebih ber-laku adili dan bertanggungjawab.

Walaupun pertandingan tersebut direstui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan namun cara pelaksanaannya masih meragukan.

Mengapakan Lincah tiba-tiba sahaja mahu mengadakan pertandingan ini, adakah ia telah berunding dengan perhubungan silat yang besar seperti Gayung, Kalimah, Sendeng, Lintau, Teriak dan sebagainya.

Selain dari itu, pengadahan juga mungkin spekulasi hibat kelak. Adakah pengadil-pengadil yang dilantik itu benar-benar pakar silat, atau ia cuma seorang silat sahaja.

Seperkara lagi, adakah Lincah sendiri bertanding dalam kejohanan kebangsaan itu.

Tetapi, sekiranya Lincah hanya menjadi penganjut tanpa turut serta semua pihak akan berasa lega, dan satu pandangan yang diwajibkan

tuk 70,000 orang murid Lincah itu berjaya akan menjadi tandanya dan mungkin menjadi satu spekulasi yang kurang enak didengar kelak.

Barangkali, bida baliknya, kalau pertandingan yang terbuka untuk semua silat itu di longgarkan saratnya.

Antaranya, satu jenis silat hanya dibenarkan menghantar seorang sahaja.

Syarat ini akan memberi peluang kepada silat lain, seperti Kalimah, Gayung, Teriak, Lintau, Sendeng dan sebagainya menghantar sepasangan peserta masing-masing ke pertandingan tersebut.

Peringkat 3

Sebelum peringkat kebangsaan, pengadil harus memikirkan akan mengatur pertandingan di peringkat mukim, daerah dan seterusnya negeri.

Cara begini akan memperbaiki organisasi pertandingan itu cukup kemas dan tidak akan menimbulkan prasangka melalui kelak.

Blarlah pertandingan suling akan berhasil melahirkan jaguh-jaguh silat Malaysia yang betul-betul setaraf dengan gelarannya.

Disamping itu, jadi-kalah pertandingan itu